

DOKUMEN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG *PRE- INSULATED DUCTING* PENGHAWA DINGIN (*AIR-CONDITIONING*) SUPPLY DAN *RETURN* ANGIN SERTA *DIFFUSER* SEDIA ADA DI AUDITORIUM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM/SH/13/2022)

TARIKH BUKA SEBUT HARGA:

30 September 2022 (Jumaat)

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA:

10 Oktober 2022 (Isnin)

MASA TUTUP SEBUT HARGA:

12.00 TENGAHARI

Peringatan:

1. *Pembekal/Syarikat dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebut harga sebelum mengemukakan tawaran.*
2. *Pembekal adalah **DIWAJIBKAN** untuk memastikan dokumen sebut harga adalah lengkap kesemua muka surat dan sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada Urusetia Perolehan, Institut Integriti Malaysia*
3. *Penyebut harga diingatkan supaya melindungi dokumen ini seperti mana yang termaktub di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972*

ISI KANDUNGAN

PERKARA	M/S
SENARAI SEMAKAN	2
NOTIS SEBUT HARGA	4
ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	6
SYARAT-SYARAT AM	10
SYARAT-SYARAT KHAS	13
SURAT AKUAN PEMBIDA	15
SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA	16
LAMPIRAN A PEMATUHAN MINIMUM SPESIFIKASI SEBUT HARGA	18
LAMPIRAN B JADUAL TAWARAN HARGA SEBUT HARGA.....	21
KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA	24
SENARAI PENGALAMAN	28
LAMPIRAN Q	29

SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan “√” Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Lampiran Q - Sebut Harga Untuk Bekalan/Perkhidmatan		
2.	Surat Akuan Pembida		
3.	Surat Akuan Penyebut Harga		
4.	Keterangan Mengenai Penyebut harga		
5.	Profil Lengkap Syarikat		
6.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir Yang Telah Disahkan		
7.	Salinan Akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit bertauliah		
8.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
9.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (MOF)		
10.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (MOF) <i>(jika berkaitan)</i>		
11.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan <i>(jika berkaitan)</i>		

12.	Pematuhan Kepada Spesifikasi – Lampiran A		
13.	Jadual Tawaran Harga – Lampiran B		
14.	Senarai Pengalaman		
15.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog		
16.	Senarai Kakitangan <i>Teknikal</i>		
17.	Jadual Pelaksanaan Projek (Gantt Chart)		
18.	Lain-lain Sekiranya Ada		

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p> <p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p> <p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p>
--	---

NOTIS SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempoh serta dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

2.

Tajuk Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran
<p>SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PRE-INSULATED DUCTING PENGHAWA DINGIN (AIR-CONDITIONING) SUPPLY DAN RETURN ANGIN SERTA DIFFUSER SEDIA ADA DI AUDITORIUM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM/SH/13/2022)</p>	<p>Memenuhi Syarat-Syarat Berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat/Kontraktor Gred G2 yang Berdaftar dengan CIDB & Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK). • Berdaftar dengan CIDB Dalam Kod Bidang: <ul style="list-style-type: none"> ○ Kategori <ul style="list-style-type: none"> ▪ B: Pengkhususan Kategori Bangunan ▪ ME: Kejuruteraan Mekanikal & Elektrik ▪ CE: Pengkhususan Kategori Mekanikal ○ Pengkhususan <ul style="list-style-type: none"> ▪ B24 (Kerja penyenggaraan bangunan) ▪ M01 (Sistem hawa dingin dan pengedaran udara) ▪ CE32 (Kerja penyenggaraan kejuruteraan awam) <p>Lokaliti:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. W.P. KUALA LUMPUR 2. W.P. PUTRAJAYA 3. SELANGOR
<p><u>SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK</u></p> <p>Tarikh: 3 Oktober 2022 (Isnin) Masa: 10.00 pagi Tempat: Auditorium Institut Integriti Malaysia Tingkat 2</p> <p>Tarikh Tutup Sebut Harga: Tarikh: 10 Oktober 2022 (Isnin) (Sebelum atau Pada Jam 12.00 Tengahari)</p>	

3. Borang Sebut Harga adalah disediakan secara percuma dan boleh didapati melalui laman sesawang Institut Integriti Malaysia – www.integriti.my bermula dari tarikh 30 September 2022 hingga 10 Oktober 2022.
4. Tawaran hendaklah dibuat berdasarkan kepada spesifikasi perkhidmatan yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga.
5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan sebelah kiri sampul surat “No Rujukan Sebut harga (IIM/SH/13/2022)” dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat berikut:-

**Institut Integriti Malaysia
Menara Integriti
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 KUALA LUMPUR.**

6. Borang hendaklah sampai **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tarikh 10 Oktober 2022**. Tawaran yang lewat dari masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN**.

Sekian, terima kasih

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“INTEGRITI . KERJA BERPASUKAN . PROFESIONAL”**



NORLIANA ALI AKBAR
Seksyen Kewangan Dan Akaun
Institut Integriti Malaysia
Tarikh: 30/09/2022

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Institut Integriti Malaysia adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi menggunakan **pena mata bulat (ball pen) hitam atau taip dengan terang dan jelas** untuk segala maklumat berikut dengan sepenuhnya: -

- 2.1.1 Lampiran Q - Sebut Harga Untuk Bekalan/Perkhidmatan
- 2.1.2 Surat Akuan Pembida
- 2.1.3 Surat Akuan Penyebut Harga
- 2.1.4 Keterangan Mengenai Penyebut harga
- 2.1.5 Lampiran A – Pematuhan Spesifikasi
- 2.1.6 Lampiran B – Jadual Tawaran Harga
- 2.1.7 Senarai Pengalaman
- 2.1.8 Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Syarikat bagi **tiga (3) bulan terakhir** sebelum tarikh tutup sebut harga yang telah disahkan oleh pihak Bank/ Institusi Kewangan
- 2.1.9 Salinan Akaun Syarikat bagi **dua (2) tahun kewangan terakhir**, yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit bertauliah
- 2.1.10 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan
- 2.1.11 Sekiranya Penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

2.2 Pelaksanaan Integrity Pact

- 2.2.1 Penyebut harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida di mana ia berada untuk tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran tersebut. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat;

- 2.2.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebut harga. Sekiranya Penyebut harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian sebut harga;
- 2.2.3 Penyebut harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan sebut harga yang disertai. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan Pembida Berjaya ini akan menjadi sebahagian daripada dokumen kontrak.

2.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- 2.3.1 Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditandakan sebelah kiri sampul surat “No Rujukan Sebut harga **(IIM/SH/13/2022)**”. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- 2.3.2 Dokumen sebut harga hendaklah dikemukakan ke dalam dua (2) sampul surat berasingan ‘A’ dan bahagian ‘B’ seperti berikut:

- 2.3.2.1 Sampul Surat ‘A’ adalah ‘**Dokumen Tawaran Harga**’
- i. Lampiran Q - Sebut Harga Untuk Bekalan/Perkhidmatan
 - ii. Surat Akuan Pembida
 - iii. Surat Akuan Penyebut harga
 - iv. Keterangan Mengenai Penyebut harga
 - v. Profil Lengkap Syarikat
 - vi. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir Yang Telah Disahkan
 - vii. Salinan Akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit bertauliah
 - viii. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - ix. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan
 - x. Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (*jika berkaitan*)
 - xi. Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (*jika berkaitan*)

2.3.2.2 Sampul Surat 'B' adalah '**Dokumen Tawaran Teknikal**'

- i. Pematuhan Spesifikasi
- ii. Senarai Pengalaman
- iii. Jadual Pelaksanaan (Gantt-Chart)
- iv. Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog

2.3.3 Penyebut harga adalah **dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan nama/tanda syarikat di mana-mana dokumen di dalam dokumen tawaran** yang dikemukakan. Kegagalan penyebut harga mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran penyebut harga ditolak.

2.3.4 Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut harga boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

Institut Integriti Malaysia
Menara Integriti
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur
(u.p.: Seksyen Kewangan dan Akaun)
Email: finance@integriti.my

3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

4. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

5. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para penyebut harga diberi peringatan berikut: -

- 5.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana pegawai Institut Integriti Malaysia, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap pegawai Institut Integriti Malaysia dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan yang diberi dan mana-mana pegawai Institut Integriti Malaysia yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang telah ditetapkan dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah digunapakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KELAYAKAN

1.1 Syarikat/Kontraktor tempatan yang Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam **kod bidang/Kelas seperti berikut** :-

1.1.1 Syarikat/Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB & Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).

1.1.2 Berdaftar dengan CIDB dalam Kod Bidang:

1.1.2.1 Kategori:

- | | |
|-----------|---------------------------------------|
| 1.1.2.1.1 | B: Pengkhususan Kategori Bangunan |
| 1.1.2.1.2 | ME: Kejuruteraan Mekanikal & Elektrik |
| 1.1.2.1.3 | CE: Pengkhususan Kategori Mekanikal |

1.1.2.2Pengkhususan:

- | | |
|-----------|---|
| 1.1.2.2.1 | B24 (Kerja penyenggaraan bangunan) |
| 1.1.2.2.2 | M01 (Sistem hawa dingin dan pengedaran udara) |
| 1.1.2.2.3 | CE32 (Kerja penyenggaraan kejuruteraan awam) |

Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan salinan sijil lain yang berkaitan hendaklah dihantar bersama dokumen sebut harga ini. Jika tempoh pendaftaran/lesen telah atau hampir tamat, Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan/Bank Negara Malaysia yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan/pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat;

1.2 Penyebut harga hendaklah bebas dari sebarang tindakan tatatertib pihakKementerian Kewangan Malaysia. Tindakan akan diambil ke atas pembekal yang melanggar peraturan ini; dan

1.3 Penyebut harga yang menyertai sebut harga ini atas pilihan dan risikonya sendiri dan tidak berhak membuat apa-apa tuntutan ke atas Institut Integriti Malaysia, segala gantirugi dari sebarang kerugian yang berpunca dari penyertaannya dalam sebut harga ini adalah di bawah tanggungannya sendiri.

2. HARGA

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Harga yang ditawarkan hendaklah harga tetap dan harga bersih termasuk semua diskaun, SST, caj-caj lain dan kos tambahan yang berkaitan. Harga tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga iaitu 90 hari.

3. PERSETUJUAN

- 3.1 Institut Integriti Malaysia tidak terikat untuk setuju menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- 3.2 Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

4. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi yang dinyatakan di dalam pelawaan ini supaya tidak timbul kesilapan dalam meletak harga.

5. PENOLAKAN

- 5.1 Perkhidmatan yang berlainan daripada perkhidmatan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- 5.2 Apabila diminta, Penyebut harga hendaklah menyebabkan perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Institut Integriti Malaysia segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai perkhidmatan yang ditolak itu; dan
- 5.3 Fasal kecil (5.1) dan (5.2) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Institut Integriti Malaysia untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

6. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Institut Integriti Malaysia terlebih dahulu.

7. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin

timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

8. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

9. PENAMATAN PERSETUJUAN

Institut Integriti Malaysia berhak menamatkan sesuatu persetujuan seperti berikut: -

- 9.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Institut Integriti Malaysia boleh terus menamatkan persetujuan; atau
- 9.2 Jika Penyebut harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini; atau
- 9.3 Jika Penyebut harga itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Penyebut harga itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah siputang-sipiutang, atau pengurusan bagi pihak seseorang siputang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan; atau
- 9.4 Jika Institut Integriti Malaysia mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebut harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebut harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Institut Integriti Malaysia untuk mendapatkan balik ganti rosak.

10. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Institut Integriti Malaysia dengan Penyebut harga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Institut Integriti Malaysia dengan Penyebut harga, dirujuk kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Institut Integriti Malaysia dan seorang oleh Penyebut harga. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. SPESIFIKASI TEKNIKAL

- 1.1 Institut Integriti Malaysia boleh mengubah penentuan spesifikasi dan perkhidmatan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada Penyebut harga sekiranya ada; dan
- 1.2 Institut Integriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi teknikal & harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan Penyebut harga akibat perubahan spesifikasi.

2. JUSTIFIKASI SEBUT HARGA

Penyebut harga hendaklah merujuk kepada spesifikasi yang telah ditetapkan seperti mana yang terdapat di lampiran sebagai rujukan justifikasi sebut harga untuk penyebut harga menyediakan tawaran harga.

3. HARGA TAWARAN

Penilaian harga antara Penyebut harga adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.

4. SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima dan Kontrak Perkhidmatan akan dihantar oleh Institut Integriti Malaysia kepada Penyebut harga yang berjaya. Surat Akuan Pembida, Surat Akuan Penyebut harga, Surat Setuju Terima dan terma-terma yang terdapat dalam polisi yang telah dipersetujui akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara Institut Integriti Malaysia dan Penyebut harga.

5. MODAL PUSINGAN

Penyebut harga yang berminat mestilah mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh dari segi modal pusingan dan sebagainya.

6. KAEDAH PEMBAYARAN

Institut Integriti Malaysia akan melakukan pembayaran kepada penyebut harga yang berjaya setelah semua kerja/perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna. Penyebut harga perlu menghantar inoivis, *delivery order (D.O)*, nota kerja/ *service report* kepada Institut Integriti Malaysia.

7. JADUAL PELAKSANAAN

Penyebut harga dikehendaki menyediakan satu Jadual Pelaksanaan Pembekalan perkakasan/ perkhidmatan yang terperinci dan lengkap bagi tujuan penghantaran, pemasangan, pengujian, dan pentauliahan bagi peralatan seperti di dalam spesifikasi yang ditetapkan.

8. PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHU UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM

Penyebut harga yang berminat mestilah mempunyai kemampuan kewangan dari segi modal pusingan dan sebagainya.

- 8.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak Institut Integriti Malaysia yang lain, jika Penyebut harga, kakitangan atau pekerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan perjanjian/kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Penyebut harga mungkin ada dengan Institut Integriti Malaysia, Institut Integriti Malaysia berhak untuk menamatkan Perjanjian/Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Penyebut harga;
- 8.2 Setelah penamatan tersebut, Institut Integriti Malaysia berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Institut Integriti Malaysia yang timbul daripada penamatan tersebut.
- 8.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Institut Integriti Malaysia dan Penyebut harga bersetuju bahawa Penyebut harga tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUT HARGA: IIM/SH/13/2022

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PRE-INSULATED DUCTING PENGHAWA DINGIN (AIR-CONDITIONING) SUPPLY DAN RETURN ANGIN SERTA DIFFUSER SEDIA ADA DI AUDITORIUM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Saya,..... nombor K.P..... yang mewakili (Nama Syarikat)..... nombor Pendaftaran.....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Institut Integriti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Institut Integriti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
()

Cop Syarikat :

Catatan: i)*Potong mana yang tidak berkenaan.
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Integriti Malaysia
Menara Integriti
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 **KUALA LUMPUR**

YBhg. Puan,

NO. SEBUT HARGA: IIM/SH/13/2022

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG *PRE-INSULATED DUCTING* PENGHAWA DINGIN (*AIR-CONDITIONING*) SUPPLY DAN RETURN ANGIN SERTA *DIFFUSER* SEDIA ADA DI AUDITORIUM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat

.....
... mengambil bahagian dalam **Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kerja-Kerja Membekal dan Memasang *Pre-Insulated Ducting* Penghawa Dingin (*Air-Conditioning*) Supply dan Return Angin Serta *Diffuser* Sedia Ada di Auditorium Institut Integriti Malaysia**. Harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah berjumlah Ringgit Malaysia:

.....
...
(RM)

2. Syarikat sebagai Penyebut harga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebut harga dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen sebut harga. Syarikat juga telah memahami bahawa Institut Integriti Malaysia berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran lain.

3. Syarikat bersetuju bahawa harga sebut harga yang ditawarkan ini laku (*valid*) selama **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh tutup sebut harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada sebut harga ini dan meminda harga.
4. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen sebut harga yang digunakan untuk sebut harga ini adalah yang sebenarnya diguna oleh syarikat ini.

(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

LAMPIRAN A

PEMATUHAN SPESIFIKASI MINIMUM SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MEMASANG PRE-INSULATED DUCTING PENGHAWA DINGIN (AIR-CONDITIONING) SUPPLY DAN RETURN ANGIN SERTA DIFFUSER SEDIA ADA DI AUDITORIUM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM/SH/13/2022)

1. KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PRE-INSULATED DUCTING SUPPLY DAN RETURN ANGIN BESERTA DIFFUSER SEDIA ADA DAN MENGEMAS KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK SAIZ DEWAN 532 METER PERSEGI DAN KETINGGIAN DEWAN 6 METER DI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

BIL	SPESIFIKASI	UNIT	KUANTITI	CATATAN (YA/Tidak) (Wajib diisi oleh Penyebut Harga)
1	KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM			
1.1	Kerja-kerja awalan dan syarat-syarat am yang berkaitan dengan syarat-syarat kontrak kecil.	Pukal	Pukal	
1.2	Insurans Pampasan Pekerja dan/atau Nombor Pendaftaran dengan PERKESO termasuk insurans Liabiliti Awam.	Pukal	Pukal	
1.3	Menyediakan 900mm x 1200mm papan tanda pelaksanaan kerja-kerja yang sedang dilakukan mengikut format yang ditetapkan oleh Pegawai Penguasa.	No	1	
1.4	Menyediakan dan menyerahkan 2 laporan lengkap bergambar bagi setiap 2 minggu mengikut format yang ditetapkan oleh Pegawai Penguasa.	Pukal	Pukal	
1.5	Mengadakan peralatan keperluan, kelengkapan keselamatan, perancah, pengangkutan, mesin dan jentera/kren, skylif, jarring keselamatan serta tenaga kepakaran (setiap kerja-kerja pemasangan perlu mendapat kelulusan JKPP).	Pukal	Pukal	
1.6	Memasang plywood & canvas pada permukaan lantai di ruang laluan kerja termasuk di dalam lif.	Pukal	Pukal	
1.7	Sampel bahan seperti yang diperlukan mengikut spesifikasi.	Pukal	Pukal	
1.8	Mengemas, membersihkan dan memperbaiki kerosakan apabila siap termasuk menanggung kecacatan keseluruhan kerja selama dua belas (12) bulan selepas tarikh	Pukal	Pukal	

	serahan siap kerja.			
2	KERJA-KERJA DUCTING ARICOND			
2.1	Kerja-kerja membuka ducting supply & ducting return yang sedia ada.	Lot		
2.2	Kerja-kerja membekal & memasang ducting return dengan ketebalan bahan 0.5mm dari bahan Galvanized Iron (G.I.) .	Kaki persegi	7800	
2.3	Kerja-kerja membekal & memasang ducting supply dengan ketebalan bahan 0.8mm dari bahan Galvanized Iron (G.I.) .	Kaki persegi	1500	
2.4	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima Internal Insulation jenis PE Form 12mm pada ducting penghawa dingin.	Kaki persegi	9500	
2.5	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima jet diffuser bersaiz (14") beserta flexible ducting .	num.	20	
2.6	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima Return Air Grill Louvers bersaiz 4" x 2".	nos	5	
2.7	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima ducting supply Galvanized Iron (G.I.) di kedua-dua bahagian dinding dewan.	m	44	
2.8	Kerja-kerja membekal & mengecat permukaan ducting penghawa dingin berwarna expresso .	litre	30	

2. KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PENYAMAN UDARA JENIS DUCTED 20 HP DAN AIR CURTAIN

BIL	SPESIFIKASI	UNIT	KUANTITI	CATATAN (YA/Tidak) (Wajib diisi oleh Penyebut Harga)
1	KERJA-KERJA PENYAMAN UDARA DUCTED PACKAGE DAN AIR CURTAIN			
1.1	Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji terima penyaman udara jenis Ducted split package 20hp (200,000 Btu/Hr) di bilik Penghawa Dingin Dewan Auditorium.	nos	1	
1.2	Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji teriman Refrigerant Cooper pipe bersaiz (T0.71mm x 25.4mm) & (T0.71mm x 12.7mm) lengkap bersama cooper elbow, socket, bracket beserta aksesori dan insulation hose berketebalan 0.5 inci di bilik penghawa dingin ke Outdoor unit.	Lot	1	
1.3	Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji terima panel kawalan elektrik beserta pendawaian system penghawa dingin di bilik penghawa dingin ke unit Indoor dan unit Outdoor .	Lot	1	
1.4	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji Drain pipe air bangunan Indoor unit ke system perparitan bangunan.	Lot	1	
1.5	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima unit Air-Curtain bersaiz 3 feet x 8 feet beserta pendawaian lengkap di pintu masuk dewan auditorium IIM.	Unit	2	

JADUAL TAWARAN HARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MEMASANG PRE-INSULATED DUCTING PENGHAWA DINGIN (AIR-CONDITIONING) SUPPLY DAN RETURN ANGIN SERTA DIFFUSER SEDIA ADA DI AUDITORIUM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM/SH/13/2022)

1. KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PRE-INSULATED DUCTING SUPPLY DAN RETURN ANGIN BESERTA DIFFUSER SEDIA ADA DAN MENGEMAS KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK SAIZ DEWAN 532 METER PERSEGI DAN KETINGGIAN DEWAN 6 METER DI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

BIL	SPESIFIKASI	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM				
1.1	Kerja-kerja awalan dan syarat-syarat am yang berkaitan dengan syarat-syarat kontrak kecil.	Pukal	Pukal		
1.2	Insurans Pampasan Pekerja dan/atau Nombor Pendaftaran dengan PERKESO termasuk insurans Liabiliti Awam.	Pukal	Pukal		
1.3	Menyediakan 900mm x 1200mm papan tanda pelaksanaan kerja-kerja yang sedang dilakukan mengikut format yang ditetapkan oleh Pegawai Penguasa.	No	1		
1.4	Menyediakan dan menyerahkan 2 laporan lengkap bergambar bagi setiap 2 minggu mengikut format yang ditetapkan oleh Pegawai Penguasa.	Pukal	Pukal		
1.5	Mengadakan peralatan keperluan, kelengkapan keselamatan, perancah, pengangkutan, mesin dan jentera/kren, skylif, jarring keselamatan serta tenaga kepakaran (setiap kerja-kerja pemasangan perlu mendapat kelulusan JKKP).	Pukal	Pukal		

1.6	Memasang plywood & canvas pada permukaan lantai di ruang laluan kerja termasuk di dalam lif.	Pukal	Pukal		
1.7	Sampel bahan seperti yang diperlukan mengikut spesifikasi.	Pukal	Pukal		
1.8	Mengemas, membersihkan dan memperbaiki kerosakan apabila siap termasuk menanggung kecacatan keseluruhan kerja selama dua belas (12) bulan selepas tarikh serahan siap kerja.	Pukal	Pukal		
JUMLAH					
2	KERJA-KERJA DUCTING ARICOND				
2.1	Kerja-kerja membuka ducting supply & ducting return yang sedia ada.	Lot			
2.2	Kerja-kerja membekal & memasang ducting return dengan ketebalan bahan 0.5mm dari bahan Galvanized Iron (G.I.) .	Kaki persegi	7800		
2.3	Kerja-kerja membekal & memasang ducting supply dengan ketebalan bahan 0.8mm dari bahan Galvanized Iron (G.I.) .	Kaki persegi	1500		
2.4	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima Internal Insulation jenis PE Form 12mm pada ducting penghawa dingin.	Kaki persegi	9500		
2.5	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima jet diffuser bersaiz (14") beserta flexible ducting .	num.	20		
2.6	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima Return Air Grill Louvers bersaiz 4" x 2".	nos	5		
2.7	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima ducting supply Galvanized Iron (G.I.) di kedua-dua bahagian dinding dewan.	m	44		
2.8	Kerja-kerja membekal & mengecat	litre	30		

	permukaan ducting penghawa dingin bewarna expresso .				
JUMLAH					

2. KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PENYAMAN UDARA JENIS DUCTED 20 HP DAN AIR CURTAIN

BIL	SPESIFIKASI	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	KERJA-KERJA PENYAMAN UDARA DUCTED PACKAGE DAN AIR CURTAIN				
1.1	Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji terima penyaman udara jenis Ducted split package 20hp (200,000 Btu/Hr) di bilik Penghawa Dingin Dewan Auditorium.	nos	1		
1.2	Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji teriman Refigerant Coopler pipe bersaiz (T0.71mm x 25.4mm) & (T0.71mm x 12.7mm) lengkap bersama cooper elbow, socket, bracket beserta aksesori dan insulation hose berketebalan 0.5 inci di bilik penghawa dingin ke Outdoor unit.	Lot	1		
1.3	Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji terima panel kawalan elektrik beserta pendawaian system penghawa dingin di bilik penghawa dingin ke unit Indoor dan unit Outdoor .	Lot	1		
1.4	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji Drain pipe air bangunan Indoor unit ke system perparitan bangunan.	Lot	1		
1.5	Kerja-kerja membekal, memasang & menguji terima unit Air-Curtain bersaiz 3 feet x 8 feet beserta pendawaian lengkap di pintu masuk dewan auditorium IIM.	Unit	2		
JUMLAH					

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat:

Alamat Berdaftar	Alamat Surat-menyurat
Poskod :	Poskod :
No Telefon :	No Telefon :
No Fax :	No Fax :
E-Mel :	E-Mel :

3. Pendaftaran Syarikat

- 3.1. No. Pendaftaran Kementerian Kewangan :
- 3.2. Tarikh ditubuhkan :
- 3.3. Tarikh Mula Pendaftaran :
- 3.4. Tarikh Tamat Pendaftaran :

4. Jenis Syarikat (tandakan kotak yang bersesuaian)

- | | | | |
|--------------------------|--------------------------|--------------------------|-----------------------------|
| <input type="checkbox"/> | <i>Private Limited</i> | <input type="checkbox"/> | <i>Limited</i> |
| <input type="checkbox"/> | <i>Limited by Shares</i> | <input type="checkbox"/> | <i>Limited by guarantee</i> |

5. Taraf Syarikat (tandakan kotak yang bersesuaian)

- | | | | | |
|-----|--------------------------|--|--------------------------|------------------|
| 5.1 | <input type="checkbox"/> | Syarikat Tempatan | <input type="checkbox"/> | Bumiputera |
| | | | <input type="checkbox"/> | Bukan Bumiputera |
| 5.2 | <input type="checkbox"/> | Syarikat Luar Negeri | | |
| 5.3 | <input type="checkbox"/> | Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri | | |

6. Komposisi Modal : Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham

Komposisi Modal	Bilangan Pemegang	Jumlah Unit	%
Bumiputera			
Bukan bumiputera			

7. Ahli Lembaga Pengarah

Bil	Nama	No. KP	Nilai Saham (RM)	%	Warganegara
1.					
2.					
3.					

8. Komposisi Kakitangan (Maklumat kakitangan yang terlibat dalam projek ini):

Nama	NRIC/Passport	Jawatan	Kelayakan

9. Komposisi Modal

Modal Yang Dibenarkan	Modal Berbayar

10. Maklumat Bank

Nama Bank	
Alamat Bank	
No. Akaun Bank	

11. Aset *:

Semasa	RM
Tetap	RM
Jumlah	RM

12. Liabiliti**:

Semasa	RM
Tetap	RM
Jumlah	RM

13. Nilai Kewangan :

Semasa	RM
Tetap	RM
Jumlah	RM

14. Kemudahan Kredit (Jika Ada) :

Nama Bank	
Alamat Bank	
No. Akaun Bank	

15. Bentuk Dan Baki Jumlah Yang Boleh Digunakan Untuk Projek Ini:

Overdraf atau Talian Kredit	RM
Overdraf Bercagar	RM
Pinjaman tetap yang akan/layak diperolehi untuk Projek	RM
Jumlah	RM

Peringatan Penting:

* Sila Sertakan salinan Akaun Syarikat bagi **dua (2) tahun** kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit bertauliah (*Certified Accountant*) atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data yang diberi.

** Sila sertakan Penyata Bank bagi **tiga (3) bulan** terakhir yang telah disahkan.

Saya perakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan Penyebutharga :
Nama :
Jawatan Rasmi Dalam Syarikat :

Tandatangan Saksi :
Nama :
Jawatan :

Tarikh:

Institut Integriti Malaysia
Menara INTEGRITI
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur, Malaysia

**SENARAI PENGALAMAN DALAM PERKHIDMATAN KERJA-KERJA
MEMBEKAL DAN MEMASANG *PRE-INSULATED DUCTING* PENGHAWA
DINGIN (*AIR-CONDITIONING*) SUPPLY DAN RETURN ANGIN SERTA *DIFFUSER*
SEDIA ADA DI AUDITORIUM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

Bil.	Nama / Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak	
				Mula	Tamat

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di lain-lain agensi.

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi.

LAMPIRAN Q

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut harga
IIM/SH/13/2022

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut harga.

Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh: Institut Integriti Malaysia Menara Integriti Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin Off Jalan Tuanku Abdul Halim 50480 KUALA LUMPUR No. Telefon: 03 – 6209 2028 Tarikh: 30.09.2022
.....	
No. Telefon:	
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan perkhidmatan ini	

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan kepada **Institut Integriti Malaysia** dengan sempurna.
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan
 - 1.3. Arahkan pengiriman **di hantar/serah ke Institut Integriti Malaysia.**
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan bertanda nombor **No. Sebut harga: IIM/SH/13/2022.**
 - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00 tengahari 10 Oktober 2022 (Isnin).**
 - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.



Tarikh: 30.09.2022

Tandatangan:

Nama Pegawai : **Norliana Ali Akbar**

Jawatan : **Ketua Seksyen Kewangan dan Akaun**

Bil.	Perihal Bekalan/Perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk Diisi oleh Institut Integriti Malaysia				Untuk Di isi oleh Penyebut harga	
	SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG <i>PRE-INSULATED DUCTING</i> PENGHAWA DINGIN (<i>AIR-CONDITIONING</i>) SUPPLY DAN RETURN ANGIN SERTA <i>DIFFUSER</i> SEDIA ADA DI AUDITORIUM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM/SH/13/2022)				
	*Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan			JUMLAH	_____

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang telah dinyatakan di dalam dokumen sebut harga ini.

.....
Tandatangan Penyebut harga

Nama :

No. KP :

Nama Syarikat :

Tarikh :